

**KOMPETENSI PENSYARAH PENDIDIKAN ISLAM (PPI) DALAM PROSES
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI POLITEKNIK MALAYSIA**

**[COMPETENCIES OF ISLAMIC EDUCATION LECTURERS (PPI) IN THE TEACHING
AND LEARNING PROCESS AT MALAYSIAN POLYTECHNICS]**

Mohd Firdaus Mamat Junoh¹, Farha Muhammad²

^{1,2}Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN)
firdaus.mj@ptsn.edu.my, farha@ptsn.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v2i1.6792>

ABSTRAK

Kompetensi seorang pensyarah menjadi nilai dalam pendidikan apabila wujudnya seorang pendidik yang kompeten dan komited dalam profesionnya. Pensyarah yang kompeten akan memastikan kejayaan pelaksanaan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berkesan khususnya di politeknik dalam usaha melahirkan modal insan negara. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji amalan pensyarah pendidikan Islam berkesan dari aspek pengetahuan (penguasaan) isi kandungan, amalan pedagogi dan amalan pentaksiran di politeknik Semenanjung Malaysia. Sampel yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 102 orang PPI yang mengajar kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam (STKI) dari 30 politeknik di semenanjung Malaysia. Satu set soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data kajian. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 23.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan (penguasaan) isi kandungan PPI terhadap kursus STK dalam Islam adalah tinggi dengan skor min keseluruhan 4.33. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap amalan pedagogi PPI adalah tinggi dalam proses PdP dengan skor min keseluruhan 3.81. Manakala dapatan kajian juga menunjukkan bahawa PPI berada pada tahap amalan pentaksiran yang tinggi dengan skor min keseluruhan 4.01. Berdasarkan dapatan kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa, pengetahuan (penguasaan) isi kandungan, amalan pedagogi dan amalan pentaksiran PPI merupakan elemen penting keberkesanan pelaksanaan kursus STK dalam Islam di politeknik Malaysia. Komitmen jitu yang diberikan oleh PPI ini seiring dengan keperluan peningkatan profesionalisme pensyarah dalam menghasilkan pendidikan yang berkualiti di politeknik.

Kata Kunci: Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI), pelaksanaan kurikulum, pengetahuan isi kandungan, amalan pedagogi, amalan pentaksiran.

ABSTRACT

The competence of a lecturer becomes a value in education when the educator is competent and committed in his profession. Competent lecturers will ensure the successful implementation of Teaching and Learning (PdP) process, especially in polytechnics education system to produce the country's human capital. Thus, this study aims to examine the effectiveness practice of Islamic Education Lecturer (IEL) from the aspect of knowledge (mastery) content, pedagogical practice and assessment practices in implementing courses of Science Technology and Engineering (STE) in Islam in Malaysia peninsula polytechnic. The number of samples involved in this study were 102 IEL who teaches the course from 30 polytechnics in Peninsular Malaysia. A set of questionnaire was used as an instrument to collect the data. The data then were analyzed by using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 23.0. The findings also showed that the IEL is higher pedagogical practices in the Teaching and Learning (TnL) with an overall mean score of 3.81. Whereas the study also showed that the IEL are at a high level assessment practices with an overall mean score of 4.01. Based on these findings, we

can conclude that, knowledge (mastery) content, pedagogical practice and assessment practices of IEL as an important element in effectiveness implementation of STE in Islam courses in Malaysia polytechnics. Thus, the strongly commitment given by IEL is in line with the needs of increasing professionalism level of lecturers in order to produce a good quality of education in polytechnic.

Keywords: *Competency of Islamic Education Lecturer (IEL), implementation of a curriculum, knowledge (mastery) content, pedagogical practice and assessment practices*

PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan aspek penting yang harus diberi keutamaan dalam kehidupan. Pendidikan berperanan sebagai wahana atau salah satu instrumen penting digunakan dalam proses membangunkan sesebuah negara bagi menghasilkan modal insan yang berilmu dan berketerampilan. Umumnya peranan pendidik adalah dikatakan sebahagian daripada pendukung yang melaksanakan tugas bagi mencapai matlamat wawasan 2020. Menurut, Nurul Faizah, (2008), bagi melahirkan modal insan yang mampu berfikir kritis dan kreatif, berkemahiran dalam menyelesaikan masalah, berupaya dalam mencipta peluang-peluang baru, mempunyai daya tahan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah, aspek kesediaan yang lengkap kalangan pendidik dalam semua aspek perlu diberi perhatian khusus. Kesediaan merupakan salah satu kaedah untuk memupuk peluang bagi melaksanakan aktiviti dengan sempurna. Sehubungan itu, kejayaan dalam mencapai matlamat pendidikan dapat dicapai jika mereka sedar dan bersedia menjalankan tugas dalam apa jua situasi. Sebagai seorang pendidik, perlu wujud asas kesediaan dalam menjalankan amanah dan tugasnya di mana-mana sahaja (Ahmad Firdaus *et. al.* 2014).

Bagi tenaga pengajar di institusi pendidikan seperti politeknik khasnya pensyarah pendidikan Islam tidak terkecuali daripada tugas dan amanah dalam melaksanakannya. Selaras dengan perkembangan semasa seperti maklumat di hujung jari dan ledakan teknologi dalam era globalisasi yang perlu dihadapi oleh mereka secara profesional. Dalam masa sama aspek kualiti pelajar tidak diabaikan agar misi Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dalam usahanya melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran separa profesional (Jabatan Pengajian Politeknik 2009) dan cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Justeru, peranan pensyarah penting dalam memastikan kualiti graduan yang bakal dihasilkan. Kepelbagaian bentuk penyampaian ilmu dalam proses pengajaran perlu diterapkan dalam memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Hal ini juga menuntut perubahan kepada pensyarah Pendidikan Islam di politeknik melaksanakan transformasi dalam PdP yang dilaksanakan kepada pelajar pendidikan teknikal yang terdiri dari pelbagai bidang dan latar belakang. Untuk ke arah itu, proses ini juga memerlukan pensyarah yang lebih kompeten untuk menjadikan proses pengajaran lebih berkesan. Dunken dan Biddle (1974) menjelaskan bahawa guru adalah salah satu faktor utama dalam menentukan tahap pengajaran sama ada berkesan atau tidak. Di samping itu, pengajaran yang berkesan juga memerlukan pendidik yang kompeten untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran baharu kepada pelajar (Norfarahi Zulkifli *et. al.* 2021).

Kurikulum merupakan salah satu komponen penting dan menjadi rujukan utama dalam sistem pendidikan. Dalam konteks perkembangan pendidikan di Malaysia, kurikulum merupakan medium penterjemah isi kandungan pelajaran serta dilaksanakan dalam bentuk sesuatu disiplin ilmu (Akhmal Annas Hasmoni *et.al.* 2011). Menurut Rosnani Hashim (2001), kurikulum mencakupi semua aspek dalam proses pembelajaran, bermula dari penentuan matlamat dan objektif, pembinaan kandungan yang relevan, pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai, penilaian tentang

keberkesannya dan sehinggalah maklum balas untuk memperbaikinya. Dalam erti kata lain, ia merupakan proses merencana, menyepadukan seterusnya mentafsir maksud kurikulum kebangsaan. Menurut Abdul Fatah (2003), kurikulum kebangsaan didefinisikan sebagai suatu program pendidikan meliputi semua aspek-aspek yang terdapat dalam kurikulum dan kokurikulum. Menurut beliau lagi, aspek-aspek tersebut mencakupi pengetahuan dan kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan yang dapat membantu membina perkembangan individu menjadi insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta mempertingkatkan nilai moral dan akhlak. Lantas, peranan para pendidik dilihat sebagai medium utama dalam merencana kurikulum dan seterusnya mampu merealisasikan matlamat kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sehubungan dengan itu, pelbagai inisiatif dan pendekatan baru diperkenalkan dalam sistem pendidikan politeknik bagi menjayakan usaha itu. Salah satunya ialah Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) menerusi Seksyen Pembangunan dan Penilaian Kurikulum (SPPK) bergerak selaras visinya sebagai nadi utama penggerak kecemerlangan kurikulum, kursus pengajian dan program latihan politeknik di peringkat nasional dan antarabangsa (JPP dan KK 2006). Justeru, perancangan dan pembangunan kurikulum Politeknik perlu di gembelng secara sistematik bagi menepati kehendak wawasan negara (Yusni 2013). Ini bertujuan untuk membangunkan kurikulum berkualiti dan mampan dalam usaha menepati visi utama penubuhan Politeknik iaitu melahirkan tenaga kerja separa professional yang berkualiti dan bersahsiah tinggi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Alias Saad (1999), beliau menetapkan beberapa syarat, agar kejayaan penubuhan institusi politeknik berjaya mencapai matlamatnya iaitu tenaga kerja berkebolehan, mempunyai kemahiran berkomunikasi sempurna dan sahsiah terpuji merupakan elemen utama sebagai penentu kejayaannya. Tanpanya, penubuhan Politeknik hanya sekadar nama serta membantutkan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara maju di peringkat global.

KAJIAN LITERATUR

Kompetensi seorang guru atau pensyarah menjadi nilai dalam dunia pendidikan. Nilai ini bermaksud, pendidikan negara mampu diangkat dan diiktiraf sebagai pendidikan bertaraf dunia melalui wujudnya pendidik yang kompeten dan komited dalam profesion (Saedah Siraj & Mohd Sani Ibrahim). Menurut Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim (2012) perkataan kompetensi menerangkan berkenaan pengetahuan, kemahiran, dan ciri peribadi atau *personality traits* yang diperlukan bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Beliau menambah, Saedah Siraj & Mohd Sani Ibrahim menambah bahawa kompetensi boleh dibahagi kepada dua jenis, iaitu kompetensi umum dan khusus. Perkara ini turut dibincangkan dan ditekankan kepada pensyarah oleh Mahadi Abu Hasan & Norliah Kudus (2006). Perbezaan dua jenis kompetensi ini adalah dari segi pengetahuan, kemahiran, dan ciri peribadi yang spesifik dalam menjalankan tugas pada sesuatu jawatan bagi kompetensi khusus.

Manakala bagi kompetensi umum, semua komponen kompetensi ini perlu dimiliki bagi sesuatu jawatan (Saedah Siraj & Mohd Sani Ibrahim). Justeru, Jabatan Pengajian Politeknik (2012b) menggariskan kompetensi sebenar bagi para pensyarah di politeknik. Kompetensi ini diukur berdasarkan: a) Penyampaian konsep dan fakta serta pemberian jawapan dilaksanakan dengan yakin, jelas, dan tepat. B) Isi pelajaran dikaitkan dengan situasi semasa atau pengalaman pelajar dengan menggunakan contoh yang relevan. C) Pensyarah mempamerkan keupayaan dalam meningkatkan pencapaian pelajar melalui kemahiran menyelesaikan masalah, analitikal, dan sintesis. d. Mencadangkan rujukan yang berkesan dalam bidang.

Justeru, dalam merencanakan sesuatu mata pelajaran atau kursus dengan berkesan, aspek kompetensi guru penting dalam pelaksanaan kurikulum bagi menarik

minat pelajar terhadap kursus tersebut. Kompetensi guru merangkumi pengetahuan mengenai isi kandungan, amalan pedagogi yang pelbagai dan amalan pentaksiran yang berkesan mengikut ketetapan kurikulum (Baharuddin Saleh 2012). Sehubungan itu, kesediaan PPI sama ada dapat menerima perubahan atau tidak menentukan sejauh mana kejayaan kursus tersebut dapat dikekalkan.

Pengajaran yang dirancang oleh guru secara sistematik amat penting sebagai langkah untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan. Othman (2010) menjelaskan terdapat lima elemen yang perlu dititik beratkan dalam memantapkan proses PdP yang berkesan iaitu objektif pengajaran, pengukuran dan penambahbaikan PdP, kesesuaian bahan bantu mengajar, maklum balas pelajar dan penilaian prestasi pelajar. Manakala menurut Ee (1997), dalam melaksanakan proses PdP yang efektif, selain membuat perancangan mengenai topik yang ingin di ajar, penetapan objektif pengajaran, isi kandungan, memilih kaedah penyampain yang sesuai, guru juga hendaklah memilih bentuk penilaian yang bersesuaian dengan kebolehan sedia ada dan minat pelajar. Hal ini penting kerana, kejayaan atau kegagalan sesuatu rancangan pendidikan berkait rapat dengan peranan yang di mainkan oleh guru dalam memberi bimbingan kepada para murid (Farah Ilyani 2011).

Kajian Solomon *et.al.* (1963), menyatakan faktor pengajaran guru berkesan mempunyai perkaitan dengan keberkesanan dalam pembelajaran murid. Hal ini juga dinyatakan oleh Ab. Halim Tamuri dan Nik Rahimi (2010), keupayaan dan peranan guru PI dalam bilik darjah menentukan keberkesanan PdP pendidikan Islam yang dilaksanakannya. Menurut Allen (1992) dalam Ab. Halim dan Mohamad Kahirul Azman Aljuhary (2010), penggunaan kaedah dan teknik pengajaran yang baik boleh menyumbang kepada mutu PdP yang berkesan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Dalam konteks kajian ini, bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan tinjauan atau lebih dikenali sebagai *Survey Research Method*. Pengkaji menjalankan kajian tinjauan (*exploratory*) dengan reka bentuk kajian deskriptif menggunakan pendekatan kuantitatif.

Kaedah tinjauan adalah pendekatan yang biasa digunakan dalam penyelidikan pendidikan dan kaedah yang paling sesuai untuk data dari sampel yang dipilih. Menurut Noraini (2010), kajian tinjauan amat sesuai di gunakan bagi pengkaji yang ingin mendapatkan data atau maklumat berhubung dengan fenomena yang tidak dapat diperhatikan secara langsung. Kajian tinjauan biasanya digunakan dalam bidang sains sosial, adalah digunakan untuk mengetahui tentang sikap, kepercayaan, nilai, demografi, tingkah laku, pendapat, idea dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan sekumpulan orang.

Bentuk penyelidikan ini digunakan untuk mengukur pemboleh ubah berkaitan, tanpa membuat atau menerapkan sebarang perubahan atau kawalan terhadap fenomena yang dikaji. Tujuan penyelidikan tinjauan dijalankan antara lain nya adalah untuk menerangkan atau meramal satu fenomena yang sedang berlaku. Menurut Mohd Najib (1994), reka bentuk kajian ini digunakan untuk meneroka atau mengenal pasti pola sesuatu fenomena atau tingkah lak yang masih belum berkembang atau dikenali. Dalam konteks kajian ini, reka bentuk tinjauan dipilih kerana, merujuk kepada tujuan daripada kajian ini dilakukan adalah untuk memperoleh gambaran secara deskriptif mengenai amalan pelaksanaan kursus STK dalam Islam dalam kalangan PPI di politeknik Malaysia dari segi amalan pengetahuan (penguasaan isi kandungan mata pelajaran), amalan pedagogi dan amalan pentaksiran.

Persempelan

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada pensyarah-pensyarah Pendidikan Islam yang mengajar di politeknik-politeknik zon tengah, zon selatan, zon utara dan zon timur. Terdapat 34 buah politeknik di Malaysia yang sedang beroperasi sekarang ini termasuk politeknik di Borneo. Berdasarkan data yang diperoleh daripada Jabatan Pengajian Politeknik (Sektor Pembangunan dan Latihan Kerjaya), jumlah keseluruhan PPI bagi keempat-empat zon tersebut adalah seramai 226 orang pada tahun 2015. Namun, hanya 137 PPI yang mengajar kursus STK dalam Islam. Hampir setengah daripada jumlah keseluruhan yang hanya mengajar STK dalam Islam.

Teknik pensampelan berstrata adalah sesuai dengan sampel kajian ini memandangkan sampel yang ingin dikaji bertabur di setiap zon. Pengkaji membahagikan kawasan sampel untuk PPI mengikut zon, iaitu zon tengah, zon selatan, zon utara dan zon timur. Bilangan sampel pensyarah PPI dalam kajian ini adalah seramai 102 orang diambil daripada jumlah 130 orang yang mengajar kursus STK dalam Islam. Jumlah pensyarah yang mengajar adalah berbeza-beza antara satu sama lain bergantung kepada jumlah *enrolmen* pelajar di setiap politeknik.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah penting dalam mencapai objektif sesuatu kajian penyelidikan. Berdasarkan tinjauan literatur, tujuan dan objektif kajian pengumpulan data dalam kajian ini adalah dengan membentuk instrumen. Satu set soal selidik telah dibina untuk PPI merangkumi demografi dan bagi mengenal pasti tahap amalan pengetahuan (penguasaan) PPI terhadap isi kandungan mata pelajaran, 1) konsep asas Islam, 2) konsep sains, teknologi dan kejuruteraan dalam Islam, 3) wahyu sebagai sumber sains, teknologi dan kejuruteraan, 4) Prinsip Syariah Dan Etika Islam Dalam Sains, Teknologi Dan Kejuruteraan dan 5) Kaedah Fiqh Dalam Sains, Teknologi Dan Kejuruteraan. Manakala amalan pedagogi isi kandungan iaitu 1) syarahan, 2) perbincangan kumpulan kecil, 3) pembentangan pelajar, 4) soal-jawab dan 5) e-forum. Seterusnya amalan pentaksiran yang meliputi 1) pembinaan item, 2) aktiviti pengukuhan, 3) rekod data penilaian, 4) instrumen pentaksiran dan 5) motivasi.

Instrumen utama yang digunakan dalam menjalankan kajian ini ialah melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden iaitu PPI politeknik merangkumi zon selatan, zon tengah, zon utara dan zon timur bagi mendapatkan data. Menurut Mohd Majid (2009), penggunaan instrument soal selidik adalah lebih praktikal dan berkesan bagi sesuatu populasi yang besar saiznya. Keupayaan soal selidik menggunakan sampel yang banyak akan meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel untuk menganggar perimeter populasi. Tambahan pula, menurut Khalid Johari (2004), instrumen yang digunakan ini didapati menjimatkan tenaga, masa, minda dan kos penyelidikan semasa pengumpulan data berlangsung. Dalam konteks kajian ini, penyediaan soal selidik, item-item yang dibina adalah berdasarkan persoalan kajian yang hendak dikaji supaya dapat mencapai objektif yang ditetapkan.

Analisis Data dan Statistik

Data kajian di hurai secara deskriptif untuk menunjukkan maklumat-maklumat dalam bentuk jadual-jadual dengan menggunakan frekuensi, peratusan min dan sisihan piawai. Bagi soalan-soalan yang dikemukakan memerlukan penilaian berdasarkan skala likert, nilai min yang diperoleh digunakan bagi merumuskan pelaksanaan responden terhadap kenyataan yang diberikan.

Statistik deskriptif yang menggunakan min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan digunakan untuk menentukan tahap pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam. Secara keseluruhannya pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam berada pada tahap tinggi.

Statistik deskriptif yang menggunakan min, kekerapan dan peratusan digunakan untuk menentukan tahap amalan pedagogi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam. Analisis tersebut dihuraikan mengikut setiap aspek dalam amalan pedagogi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam. Secara keseluruhannya amalan pedagogi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam berada pada tahap sederhana tinggi.

Statistik deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam. Analisis tersebut dihuraikan mengikut setiap aspek dalam pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam seperti pembinaan item, aktiviti pengukuhan, rekod data penilaian, instrument pentaksiran dan motivasi. Secara keseluruhannya pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam berada pada tahap tinggi.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 102 orang Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam. Profil demografi kajian menunjukkan seramai 52 orang (51.0%) pensyarah lelaki dan seramai 50 orang (49.0%) pensyarah perempuan. Seterusnya berdasarkan pengalaman mengajar pula menunjukkan seramai 45 orang (44.1%) pensyarah berpengalaman kurang 10 tahun dan 57 orang (55.9%) pensyarah berpengalaman lebih dari 10 tahun.

Jadual 1 Tahap pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam Pelaksanaan Kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam

No	Pengetahuan	N	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Konsep Asas Islam	102	4.50	0.44	Tinggi
2	Konsep STK dalam Islam	102	4.11	0.65	Tinggi
3	Wahyu Sebagai Sumber STK	102	4.25	0.49	Tinggi
4	Prinsip Syariah dan Etika Islam dalam STK	102	4.21	0.56	Tinggi

5	Kaedah Fiqh dalam STK	102	4.20	0.69	Tinggi
Keseluruhan		102	4.33	0.43	Tinggi

Jadual 1 menunjukkan bahawa konsep asas Islam mempunyai min yang paling tinggi (min = 4.50 dan sp = 0.44). Seterusnya diikuti oleh wahyu sebagai sumber STK (min = 4.25 dan sp = 0.49), Prinsip Syariah dan Etika Islam dalam STK (min = 4.21 dan sp = 0.56), Kaedah Fiqh dalam STK (min = 4.20 dan sp = 0.69) dan Konsep STK dalam Islam (min = 4.11 dan sp = 0.65). Secara keseluruhannya pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam berada pada tahap tinggi (min = 4.33 dan sp = 0.43). Analisis tersebut dihuraikan mengikut setiap aspek dalam pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam seperti berikut;

Konsep Asas Islam

Jadual 2 Tahap Pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dari Segi Konsep Asas Islam

No	Konsep Asas Islam	N	Min	Sisihan piawai	Interp.
1.	Konsep akidah.	102	4.58	0.53	Tinggi
2.	Konsep syariah.	102	4.61	0.51	Tinggi
3.	Konsep akhlak.	102	4.65	0.48	Tinggi
4.	Rukun-rukun solat.	102	4.70	0.46	Tinggi
5.	Surah-surah pilihan dalam solat.	102	4.69	0.49	Tinggi
6.	Implikasi kepada individu.	102	4.55	0.56	Tinggi
7.	Implikasi kepada keluarga.	102	4.56	0.56	Tinggi
8.	Implikasi kepada masyarakat.	102	4.48	0.59	Tinggi
9.	Implikasi kepada negara.	102	4.48	0.59	Tinggi
10.	Konsep Sekularisme.	102	4.43	0.62	Tinggi
11.	Konsep Pluralisme.	102	4.20	0.69	Tinggi
12.	Konsep Liberalisme	102	4.25	0.71	Tinggi
13.	Fahaman ajaran sesat	102	4.36	0.63	Tinggi
Keseluruhan		102	4.50	0.44	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan setiap item dalam pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi konsep asas Islam berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Rukun-rukun solat (min = 4.70 dan sp = 0.46). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Konsep Pluralisme (min = 4.20 dan sp = 0.69). Secara keseluruhannya menunjukkan pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi konsep asas Islam berada pada tahap tinggi (min = 4.50 dan sp = 0.44).

Konsep Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam**Jadual 3** Tahap pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dari segi Konsep Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam

No	Konsep Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam	N	Min	Sisihan piawai	Interp.
1.	Pengertian sains teknologi dan kejuruteraan	102	4.11	0.70	Tinggi
2.	Peranan sains teknologi dan kejuruteraan	102	4.12	0.66	Tinggi
3.	Impak sains teknologi dan kejuruteraan.	102	4.12	0.74	Tinggi
4.	Pencapaian tamadun Islam dalam sains teknologi dan kejuruteraan.	102	4.08	0.71	Tinggi
Keseluruhan		102	4.11	0.65	Tinggi

Error! Reference source not found. menunjukkan setiap item dalam pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi konsep Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Peranan sains teknologi dan kejuruteraan (min = 4.12 dan sp = 0.66) dan juga item Impak sains teknologi dan kejuruteraan (min = 4.12 dan sp = 0.74). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah pencapaian tamadun Islam dalam sains teknologi dan kejuruteraan (min = 4.08 dan sp = 0.71). Secara keseluruhannya menunjukkan pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam segi konsep Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam berada pada tahap tinggi (min = 4.11 dan sp = 0.65).

Wahyu sebagai Sumber Sains, Teknologi dan Kejuruteraan**Jadual 4** Tahap Pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dari Segi Wahyu Sebagai Sumber Sains, Teknologi dan Kejuruteraan

No	Wahyu Sebagai Sumber Sains, Teknologi Dan Kejuruteraan	N	Min	Sisihan piawai	Interp.
1.	Pengertian wahyu.	102	4.46	0.54	Tinggi
2.	Peranan wahyu	102	4.41	0.53	Tinggi
3.	Fakta-fakta saintifik dalam al-Quran	102	4.12	0.63	Tinggi
4.	Fakta-fakta saintifik dalam al-Hadis.	102	4.02	0.64	Tinggi
Keseluruhan		102	4.25	0.49	Tinggi

Error! Reference source not found. menunjukkan setiap item dalam pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi wahyu sebagai sumber sains, teknologi dan kejuruteraan berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Pengertian wahyu (min = 4.46 dan sp = 0.54). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Fakta-fakta saintifik dalam al-Hadis (min = 4.02 dan sp = 0.64). Secara keseluruhannya menunjukkan pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam segi wahyu sebagai sumber sains, teknologi dan kejuruteraan berada pada tahap tinggi (min = 4.25 dan sp = 0.49).

Prinsip Syariah dan Etika Islam dalam Sains, Teknologi dan Kejuruteraan

Jadual 5 Tahap Pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) Dari Segi Prinsip Syariah dan Etika Islam dalam Sains, Teknologi dan Kejuruteraan

No	Prinsip Syariah dan Etika Islam Dalam Sains, Teknologi dan Kejuruteraan	N	Min	Sisihan piawai	Interp.
1.	Prinsip syariah.	102	4.31	0.63	Tinggi
2.	Peranan syariah.	102	4.27	0.62	Tinggi
3.	Etika Islam dalam sains, teknologi dan kejuruteraan	102	4.11	0.64	Tinggi
4.	Prinsip etika Islam	102	4.19	0.61	Tinggi
5.	Peranan prinsip etika Islam	102	4.16	0.63	Tinggi
Keseluruhan		102	4.21	0.56	Tinggi

Error! Reference source not found. menunjukkan setiap item dalam pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi prinsip syariah dan etika Islam dalam sains, teknologi dan kejuruteraan berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Prinsip syariah (min = 4.31 dan sp = 0.63). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Etika Islam dalam sains, teknologi dan kejuruteraan (min = 4.11 dan sp = 0.64). Secara keseluruhannya menunjukkan pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam segi prinsip syariah dan etika Islam dalam sains, teknologi dan kejuruteraan berada pada tahap tinggi (min = 4.21 dan sp = 0.56).

Kaedah Fiqh dalam Sains, Teknologi dan Kejuruteraan

Jadual 6 Tahap Pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dari Segi Kaedah Fiqh dalam Sains, Teknologi dan Kejuruteraan

No	Kaedah Fiqh dalam Sains, Teknologi Dan Kejuruteraan	N	Min	Sisihan piawai	Interp.
1.	Pengertian kaedah fiqh.	102	4.27	0.72	Tinggi
2.	Peranan kaedah fiqh.	102	4.22	0.78	Tinggi
3.	Konsep asas kaedah fiqh dan aplikasinya.	102	4.10	0.70	Tinggi
Keseluruhan		102	4.20	0.69	Tinggi

Error! Reference source not found. menunjukkan setiap item dalam pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi kaedah fiqh dalam sains, teknologi dan kejuruteraan berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Pengertian kaedah fiqh (min = 4.27 dan sp = 0.72). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Konsep asas kaedah fiqh dan aplikasinya (min = 4.10 dan sp = 0.70). Secara keseluruhannya menunjukkan pengetahuan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam segi kaedah fiqh dalam sains, teknologi dan kejuruteraan berada pada tahap tinggi (min = 4.20 dan sp = 0.69).

Tahap amalan pedagogi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan Kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam

Statistik deskriptif yang menggunakan min, kekerapan dan peratusan digunakan untuk menentukan tahap amalan pedagogi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam. Analisis tersebut diuraikan mengikut setiap aspek dalam amalan pedagogi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam yang merangkumi 1) Syarahan, 2) Perbincangan kumpulan kecil, 3) Pembentangan pelajar, 4) Soal jawab, 5) e-forum.

Rumusan daripada amalan pedagogi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam seperti **Error! Reference source not found.** 7 berikut.

Jadual 7 Tahap amalan pedagogi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam

No	Amalan pedagogi	N	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Konsep Asas Islam	102	3.85	0.45	Sederhana Tinggi
2	Konsep STK dalam Islam	102	3.82	0.51	Sederhana Tinggi
3	Wahyu Sebagai Sumber STK	102	3.82	0.54	Sederhana Tinggi
4	Prinsip Syariah dan Etika Islam dalam STK	102	3.79	0.50	Sederhana Tinggi
5	Kaedah Fiqh dalam STK	102	3.78	0.53	Sederhana Tinggi
Keseluruhan		102	3.81	0.47	Sederhana Tinggi

Error! Reference source not found. 7 menunjukkan bahawa konsep asas Islam mempunyai min yang paling tinggi (min = 3.85 dan sp = 0.45). Seterusnya diikuti oleh Konsep STK dalam Islam (min = 3.82 dan sp = 0.51), wahyu sebagai sumber STK (min = 3.82 dan sp = 0.54), Prinsip Syariah dan Etika Islam dalam STK (min = 3.79 dan sp = 0.50) dan Kaedah Fiqh dalam STK (min = 3.78 dan sp = 0.53). Secara keseluruhannya amalan pedagogi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.81 dan sp = 0.47).

Tahap amalan pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan Kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam

Rumusan daripada pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam seperti **Error! Reference source not found.** 8 berikut.

Jadual 8 Tahap pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam

No	Pentaksiran	N	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Pembinaan Item	102	3.81	0.66	S.Tinggi

2	Aktiviti Pengukuhan	102	3.91	0.54	S.Tinggi
3	Rekod Data Penilaian	102	4.11	0.76	Tinggi
4	Instrumen Pentaksiran	102	4.18	0.53	Tinggi
5	Motivasi	102	4.30	0.59	Tinggi
Keseluruhan		102	4.01	0.46	Tinggi

Error! Reference source not found.8 menunjukkan bahawa motivasi mempunyai min yang paling tinggi (min = 3.30 dan sp = 0.59). Seterusnya diikuti oleh instrument pentaksiran (min = 4.18 dan sp = 0.53), rekod data penilaian (min = 4.11 dan sp = 0.76), aktiviti pengukuhan (min = 3.91 dan sp = 0.54) dan pembinaan item (min = 3.81 dan sp = 0.66). Secara keseluruhannya pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam berada pada tahap tinggi (min = 4.01 dan sp = 0.46).

Analisis tersebut diuraikan mengikut setiap aspek dalam pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam seperti pembinaan item, aktiviti pengukuhan, rekod data penilaian, instrument pentaksiran dan motivasi seperti berikut. kekerapan dan peratusan digunakan untuk menentukan tahap pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam seperti berikut.

Pembinaan item

Jadual 9 Tahap pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi pembinaan item

No	Pembinaan item	N	Min	Sisihan piawai	Interp.
1	Dalam pembangunan soalan pentaksiran saya merujuk prestasi pelajar.	102	3.62	0.92	Sederhana Tinggi
7	Memastikan pelajar dapat menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan.	102	4.25	0.71	Tinggi
Keseluruhan		102	3.80	0.66	Sederhana Tinggi

Error! Reference source not found.9 menunjukkan setiap item dalam pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi pembinaan item berada pada tahap sederhana tinggi dan tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah memastikan pelajar dapat menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan (min = 4.25 dan sp = 0.71). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah dalam pembangunan soalan pentaksiran saya merujuk prestasi pelajar (min = 3.62 dan sp = 0.92). Secara keseluruhannya menunjukkan pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi pembinaan item berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.81 dan sp = 0.66).

Aktiviti pengukuhan

Jadual 10 Tahap pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi aktiviti pengukuhan

No	Aktiviti pengukuhan	N	Min	Sisihan piawai	Interp.
2	menyoal pelajar mengenai sesuatu topik selepas proses pembelajaran.	102	4.17	0.73	Tinggi
3	akan mengadakan aktiviti pengukuhan di akhir setiap topik.	102	3.77	0.85	Sederhana Tinggi
4	melakukan pengulangan penyampaian supaya pelajar berada "on track".	102	3.85	0.71	Sederhana Tinggi
5	mengadakan perbincangan bersama pelajar.	102	4.20	0.70	Tinggi
6	menilai kembali hasil pembelajaran setiap topik sebelum memulakan topik yang berikutnya.	102	3.85	0.80	Sederhana Tinggi
11	meminta pelajar membuat refleksi selepas tamat sesuatu topik.	102	3.64	0.90	Sederhana tinggi
Keseluruhan		102	3.91	0.54	Sederhana Tinggi

Error! Reference source not found.10 menunjukkan setiap item dalam pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi aktiviti pengukuhan berada pada tahap sederhana dan tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah mengadakan perbincangan bersama pelajar (min = 4.20 dan sp = 0.70). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah meminta pelajar membuat refleksi selepas tamat sesuatu topik (min = 3.64 dan sp = 0.90). Secara keseluruhannya menunjukkan pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi aktiviti pengukuhan berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.91 dan sp = 0.54).

Rekod data penilaian

Jadual 11 Tahap pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi rekod data penilaian

No	Rekod data penilaian	N	Min	Sisihan piawai	Interp.
8	akan merekodkan setiap hasil kerja pelajar untuk dijadikan sebagai bukti pembelajaran.	102	4.11	0.76	Tinggi
Keseluruhan		102	4.11	0.76	Tinggi

Error! Reference source not found.11 menunjukkan item dalam pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi rekod data penilaian berada pada tahap tinggi. Item tersebut ialah akan merekodkan setiap hasil kerja pelajar untuk dijadikan sebagai bukti pembelajaran (min = 4.11 dan sp = 0.76). Secara keseluruhannya menunjukkan

pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi rekod data penilaian berada pada tahap tinggi (min = 4.11 dan sp = 0.76).

Instrumen pentaksiran

Jadual 12 Tahap pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi instrumen pentaksiran

No	Instrumen pentaksiran	N	Min	Sisihan piawai	Interp.
10	merujuk rubrik penilaian dalam memantau pelajar menyiapkan kerja kursus/tugasan.	102	4.36	0.63	Tinggi
12	dapat mentaksir kompetensi pelajar selaras dengan rubrik yang ditetapkan.	102	4.00	0.69	Tinggi
Keseluruhan		102	4.18	0.53	Tinggi

Error! Reference source not found.12 menunjukkan setiap item dalam pentaksiran P ensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi instrumen pentaksiran berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah merujuk rubrik penilaian dalam memantau pelajar menyiapkan kerja kursus/tugasan (min = 4.36 dan sp = 0.63). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah dapat mentaksir kompetensi pelajar selaras dengan rubrik yang ditetapkan (min = 4.00 dan sp = 0.69). Secara keseluruhannya menunjukkan pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi instrumen pentaksiran berada pada tahap tinggi (min = 4.18 dan sp = 0.53).

Motivasi

Jadual 13 Tahap pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi motivasi

No	Motivasi	N	Min	Sisihan piawai	Interp.
9	memberi galakan/motivasi semasa pengajaran	102	4.30	0.73	Tinggi
Keseluruhan		102	4.30	0.73	Tinggi

Error! Reference source not found.13 menunjukkan item dalam pentaksiran P ensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi motivasi berada pada tahap tinggi. Item tersebut ialah memberi galakan/motivasi semasa pengajaran (min = 4.30 dan sp = 0.73). Secara keseluruhannya menunjukkan pentaksiran Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) dalam pelaksanaan kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dari segi motivasi berada pada tahap tinggi (min = 4.30 dan sp = 0.73).

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan dalam melaksanakan kursus STK dalam Islam, majoriti PPI menepati ciri-ciri pengajar yang dinyatakan oleh Shulman (1987) di mana mereka menguasai hampir kesemua topik yang terdapat dalam silibus kursus STK dalam Islam. Tahap pengetahuan yang tinggi PPI terhadap isi kandungan kursus STK dalam Islam yang dikaji kemungkinan disebabkan faktor bidang utama yang menepati silibus. Pengetahuan (penguasaan) bidang utama ini memberi keyakinan kepada PPI untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar dengan penuh keyakinan. Hal ini juga dinyatakan dapatan kajian Alias Saad (2012), kebanyakan PPI mempunyai pengetahuan luas mengenai isi kandungan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di Politeknik KPTM sebelum mereka dilantik sebagai tenaga pengajar di politeknik.

Namun masih juga terdapat peratusan yang rendah pada topik 2 dan topik 5 dalam pelaksanaan kursus STK dalam Islam. Peratusan rendah penguasaan isi kandungan kalangan PPI adalah topik 2 iaitu Konsep Sains, Teknologi dan Kejuruteraan. Terdapat sebilangan PPI menyatakan kurang menguasai bagi sub topik pengertian sains teknologi dan kejuruteraan, sub topik impak sains teknologi dan kejuruteraan, malahan terdapat juga PPI menyatakan tidak menguasai dan sangat tidak menguasai bagi sub topik impak sains teknologi dan kejuruteraan dan sub topik pencapaian tamadun Islam dalam sains dan kejuruteraan. Kajian ini mendapati bahawa PPI lebih menguasai Topik 1, Konsep Asas Islam. Antara sub topik yang terdapat dalam topik 1 paling dikuasai oleh PPI adalah, topik berkaitan rukun-rukun solat, dan diikuti topik penguasaan surah-surah pilihan dalam solat dan topik berkaitan akhlak. Hasil dapatan kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian Alias Saad (2012), menunjukkan bahawa majoriti PPI di politeknik mempunyai latar belakang pendidikan mengenai akidah sebelum mereka dilantik menjadi PPI. Ini menunjukkan bahawa kompetensi PPI dalam bidang akidah adalah tinggi dan merupakan salah satu bidang utama penguasaan mereka.

Dapatan kajian ini juga mencerminkan bahawa, walaupun secara umumnya penguasaan PPI terhadap isi kandungan STK dalam Islam berada pada tahap tinggi, namun terdapat juga peratusan dan kekerapan PPI pada topik-topik yang tertentu berada pada tahap rendah khususnya topik-topik yang baru. Jelas, pengetahuan isi kandungan subjek merupakan teras utama dalam pengajaran yang berkesan. Kesannya, pengajaran yang berkesan tidak akan tercapai sekiranya guru tidak mempunyai asas pengetahuan yang cukup mengenai sesuatu bidang atau mata pelajaran (Grossman *et. al.*, 1999).

Dapatan analisis menunjukkan, amalan pedagogi PPI bagi kaedah pengajaran yang digunakan dalam bilik kuliah adalah pelbagai digunakan dalam melaksanakan kursus STK dalam Islam, kaedah-kaedah seperti syarahan, perbincangan dalam kumpulan kecil, pembentangan pelajar, soal jawab dan eforum. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Alias Saad (2012) menyatakan hampir 81.7% PPI bersetuju menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dalam menyampaikan modul Pendidikan Islam di politeknik KPTM. Dapatan ini juga selari dengan hasil dapatan kajian Hayati Fatmi (2013) menyatakan bahawa PPI menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dalam sesi PdP bagi kurikulum TITAS di politeknik KPTM.

Dapatan kajian menunjukkan kaedah syarahan menjadi kaedah pengajaran utama pilihan PPI dalam melaksanakan kursus STK dalam Islam. Dapatan ini juga bertepatan dengan hasil kajian Hayati Fatmi (2013), mendapati PPI menggunakan kaedah syarahan sebagai kaedah utama dalam pengajaran kurikulum TITAS di politeknik KPTM. Ini juga dibuktikan dengan dapatan kajian Alias Saad (2012) mendapati hampir 71.4% PPI menggunakan kaedah pengajaran syarahan semasa mengajar, manakala majoriti PPI 93.6 % bersetuju menyusuli kaedah pengajaran syarahan dengan sesi soal jawab dan perbincangan dalam pengajaran modul Pendidikan Islam di politeknik KPTM. Dapatan kajian juga menunjukkan kaedah

eForum merupakan kaedah pengajaran yang kurang menjadi pilihan PPI dalam melaksanakan PdP. Majoriti PPI kurang menggunakan kaedah eForum dalam pengajaran mereka termasuk kesemua topik yang terdapat dalam silibus STK dalam Islam.

Berkaitan dengan kaedah perbincangan kumpulan kecil pula, didapati kaedah pengajaran ini merupakan kaedah kedua yang kurang diamalkan oleh PPI. Hal ini bertentangan dengan dapatan kajian Alias Saad (2012) yang menyatakan kaedah perbincangan dan forum merupakan kaedah yang digunakan oleh PPI dalam melaksanakan modul Pendidikan Islam di politeknik KPTM. Justeru, PPI perlu kerap mengamalkan kaedah perbincangan kecil dalam proses PdP, ini akan menggalakkan pertukaran idea secara bebas antara pelajar dan pelajar serta antara pelajar dan guru (Peterson et.al. 1984, Reece dan Walker, 2006). Menurut mereka lagi, kaedah ini mampu melahirkan golongan pelajar kreatif dan inovatif kerana pelajar dibenarkan berbincang tentang sesuatu topik secara bebas.

Dapatan kajian menunjukkan lebih separuh PPI tidak menghadapi masalah semasa mengendalikan proses pentaksiran semasa melaksanakan PdP bagi kursus STK dalam Islam. Dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa PPI melaksanakan proses pentaksiran dengan baik. Dapatan kajian menunjukkan beberapa amalan pentaksiran yang dilaksanakan oleh PPI adalah berada pada tahap tinggi. Majoriti PPI, dapat mentafsir kompetensi pelajar selaras dengan rubrik yang ditetapkan. Dapatan ini bertepatan dengan hasil kajian Alias Saad (2012) yang menyatakan, lebih 50% PPI akan merujuk format yang ditetapkan dalam menilai pelajar dalam pelaksanaan modul Pendidikan Islam di politeknik KPTM. Manakala hampir 90 % PPI akan merujuk rubrik penilaian dalam memantau pelajar menyiapkan kerja kursus atau tugasan, di ikuti memberi galakkan atau motivasi semasa pengajaran dan seterusnya, kerap memantau bagi memastikan pelajar tugasan yang diberikan dapat di siapkan berdasarkan tempoh yang di berikan.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan beberapa aspek amalan pentaksiran PPI dalam melaksanakan kursus STK dalam Islam berada pada tahap sederhana. Aspek-aspek kaedah pentaksiran tersebut adalah, terdapat sebilangan PPI tidak pernah merujuk atau mengambil kira prestasi pelajar sebelum membangunkan soalan pentaksiran bagi kursus STK dalam Islam. Ini diikuti, sebilangan kecil dan tidak kesemua PPI yang meminta pelajar membuat refleksi selepas tamat sesuatu topik selepas pengajaran. Dapatan kajian juga menunjukkan, terdapat juga sebilangan PPI jarang mengadakan aktiviti pengukuhan di akhir setiap topik.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ke atas PPI yang mengajar kursus STK dalam Islam di politeknik Malaysia berada pada tahap tinggi bagi setiap elemen yang dikaji dari segi pengetahuan (penguasaan), amalan pedagogi dan amalan pentaksiran. Dengan ini, kajian ini telah memberi satu gambaran jelas dan penting bahawa PPI yang mengajar kursus STK dalam Islam di politeknik Malaysia bersedia dan yakin pada diri untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar.

Walaupun, secara umumnya gambaran kekuatan yang diberikan dalam pelaksanaan kursus ini, namun dalam masa yang sama juga menunjukkan beberapa kelemahan dan kekurangan yang boleh diambil tindakan sebagai penambahbaikan terhadap ketiga-tiga elemen amalan kalangan PPI dalam melaksanakan kursus STK dalam Islam. Kajian ini bersesuaian juga dengan teori dan model yang diketengahkan oleh Shulman (1987; 2004), elemen-elemen amalan PPI yang dikenal pasti telah membuktikan akan kepentingan perkara-perkara yang telah disebutkan di atas.

RUJUKAN

- Abdul Fatah Hassan. (2003). *Pengenalan Falsafah Pendidikan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Ahmad Firdaus at el. (2014). *Elemen Kemahiran Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam Di Politeknik Premier: Satu Kajian Rintis. The Online Journal of Islamic Education July 2014, Vol. 2 Issue 2.*
- Ahmad Firdaus at el. (2015). *Elemen Pengetahuan Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam Di Politeknik Premier: Satu Kajian Rintis. The Online Journal of Islamic Education January 2015, Vol.3 Issue 1.*
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Akhmal Annas Hasmoni et.al. (2011). *Pendidikan, Kurikulum Dan Masyarakat: Satu Integrasi Journal of Edupres, Volume 1 September 2011, Pages 350-356.*
- Baharom Mohamad & Mohamad Johdi Salleh .(2009). *Pembangunan Modal Insan Sebagai Satu Pelaburan Penting Dalam Konteks Pembinaan Negara. Prosiding "Seminar Pembangunan Modal Insan 2009", Tema: Kecemerlangan Modal Insan. Pada: 23 – 24 Mac 2009. Tempat: Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan.*
- Baharom Mohamad, Ali Suradin, Za'aba Helmi Khamisan. (2008). *Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti, Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia, 22-23Oktober 2008.*
- Baharudin Bin Saleh. (2012). *Profil Amalan Guru Dalam Melaksanakan Kurikulum Kimpalan Berasaskan Kompetensi di Sekolah Menengah Vokasional. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
- Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia .(2010). *"Halatuju Transformasi Politeknik".*
- Jabatan Pengajian Politeknik, (2007). *Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Jabatan Pengajian Tinggi (2013). *Silibus Mata Pelajaran Pengajian Umum*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kauchak & Eggen .2008. Kauchak, D.P & Eggen, P.D (2008). *Introduction to teaching*. New Jersey: Pearson Education, Inc
- Najeemah. (2007). *Penggabungan dan Penyerapan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Penyarah untuk Melahirkan Modal Insan di IPTA .Monograf Pembangunan Modal Insan. Serdang: Pusat Pembangunan Akademik Universiti Putra Malaysia.*
- Nik Mustafa R. Abdullah. (2007). *Institusi Pengajian Tinggi Penjana Pembangunan Modal Insan Ke/as Pertama*. Monograf Isu Semasa dalam Pendidikan Tinggi. Serdang: Pusat Pembangunan Akademik Universiti Putra Malaysia.
- Nooraza & Aminah. (2012). *Keberkesanan Penggunaan Jadual Spesifikasi Pentaksiran (JSP) Di Dalam Kurikulum Politeknik Malaysia : Kajian Kes Di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Matematik Sains Dan Komputer (JMSK)*. Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi, Politeknik Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah. Kolokium tahun 2012.
- Noraini Idris. (2005). *Pedagogi Dalam Pendidikan matematik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn.Bhd.

- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.*
- Noryati Mohd Jomuin .(2013). Etika Dan Moral Profesional Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Yang Telah Menjalani Program Latihan Mengajar.Laporan Projek Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Rosnani Hashim.2006. “Falsafah Penyelidikan Pendidikan dari Perspektif Islam: Konsep dan Matlamat” dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil. 12, Bil. 1 [Julai].
- Shulman, L. (1986). *Knowledge and teaching: Foundation of new reform*. Havard
- Shulman, L.S. & Grossman, P.L. 1987. *Final report to the Spencer Foundation* (Technical Report of the Knowledge Growth in a Profession Research Project) Stanford, CA: School of Education, Stanford University.
- Yusni .(2013). *Hala tuju Kurikulum Pendidikan Islam Di Politeknik Malaysia : Satu Tinjauan Awal 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*
- Yusni .(2013). *Hala tuju Kurikulum Pendidikan Islam Di Politeknik Malaysia : Satu Tinjauan Awal 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*
- Yusoff Y. (2004). *Kompetensi pensyarah dalam proses pengajaran: Satu Kajian di Politeknik Port Dickson*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Tun Hussin Onn Malaysia (UTHM).